

1. PENGENALAN

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) kini dikenali dengan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) ditubuhkan pada 1 Januari 1975 mengikut Seksyen 4 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

MPHS mempunyai 19 Jabatan/ Bahagian yang diterejaui oleh Yang Dipertua Mohd Hasry bin Nor Mohd, A.M.S serta Timbalan Yang Dipertua Awaluddin binn Zakaria A.M.S.

Ahli Kumpulan SyazYah terdiri daripada seorang kakitangan daripada Jabatan Khidmat Pengurusan dan seorang kakitangan daripada Bahagian Korporat.

kumpulan menambahbaik aplikasi MPHS GO 1.0 kepada MPHS GO 2.0 dengan kolaborasi bersama MPKK Kalong Tengah/ Hilir sebagai salah seorang penyampai informasi berkaitan keperluan yang perlu ditambah baik kepada aplikasi MPHS GO 2.0.).

1.1 OBJEKTIF KUMPULAN

- i. Memberikan perkhidmatan yang cekap dan efisien kepada semua pelanggan.
- ii. Menghasilkan aplikasi yang mampu memberi manfaat kepada semua pengguna dan memberi impak yang tinggi kepada majlis.
- iii. Melahirkan pemikiran yang kreatif dan inovatif di kalangan ahli kumpulan bagi menghasilkan sesebuah inovasi.

1.2 RINGKASAN HASIL INOVASI

Aplikasi MPHS GO (1.0) telah dicipta bagi memudahkan urusan penduduk di Hulu Selangor khususnya pelanggan MPHS. Pada awal penciptaanya, pengguna MPHS GO (1.0) ini hanya boleh membuat urusan atas talian yang melibatkan urusan MPHS sahaja. Setelah menjalinkan kolaborasi bersama MPKK Kalong Tengah/ Hilir, Kumpulan telah berkongsi pandangan serta telah membuat penambahbaikan untuk menjadikan MPHS GO ini kepada aplikasi yang bersifat menyeluruh dan tidak tertumpu kepada pelanggan MPHS sahaja.

Antara perkhidmatan yang akan dinikmati oleh pengguna MPHS GO adalah urusan pembayaran bil cukai taksiran, permohonan lesen perniagaan, aduan secara atas talian, tempahan dewan dan banyak lagi termasuk urusan atas

talian daripada agensi yang lain.

Aplikasi ini juga merupakan satu-satunya aplikasi yang menghimpunkan direktori-direktori agensi kerajaan Hulu Selangor secara offline serta lain-lain perkhidmatan atas talian seperti aduan-aduan agensi kerajaan Hulu Selangor serta lokasi pejabat agensi kerajaan tersebut.

Tambahan lagi, aplikasi ini juga sering dikemaskini bagi memastikan segala inisiatif dan bantuan daripada kerajaan negeri dapat dipromosi serta disalurkan kepada penduduk Hulu Selangor melalui Itizam Selangor Penyayang. Aplikasi ini juga secara tidak langsung telah menjadi satu aplikasi *One Stop Centre* yang menjadi rujukan kepada orang awam untuk berurusan.


1.3 KELULUSAN & SOKONGAN PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI

1.3.1 Kumpulan SyazYah telah mendapat kelulusan pengurusan tertinggi melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi bil 01 tahun 2023** untuk melaksanakan projek ini dan digunapakai oleh semua kakitangan MPHS bermula pada tahun ini. (Rujuk lampiran 1)

1.3.2 Pengurusan tertinggi juga telah memberi sokongan dan kepercayaan kepada kumpulan untuk menjalankan kolaborasi bersama wakil penduduk Hulu Selangor supaya aplikasi ini dapat dikembangkan lagi penggunaannya kepada seluruh penduduk Hulu Selangor. (Rujuk lampiran 2)

2. SIGNIFIKAN PROJEK & PEMBUKTIAN

2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN / ORGANISASI :



(Sumber : Buku Pelan Strategik MPHS 2019 – 2023)

Peranan utama Bahagian Korporat adalah memberikan perkhidmatan yang mesra pelanggan, cekap dan efisien dalam menjalankan tugas khidmat pelanggan seperti menjawab panggilan serta melayani pelanggan secara

mesra sejajar dengan **Teras 2 bagi Strategik 04 MPHS 2019 – 2023**: *“Memantapkan imej korporat menerusi inisiatif pengurusan persepsi dan memberdayakan modal insan ke arah sistem penyampaian yang berkesan”*.

2.2 MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH :

2.2.1 MPHS GO 2.0 dicipta bagi memenuhi kehendak pelanggan yang mensasarkan kepada **seluruh penduduk di Daerah Hulu Selangor** tanpa mengira umur bagi memudah dan melancarkan proses urusan di kaunter majlis. Oleh yang demikian, segala perkhidmatan majlis, aduan online agensi lain, pelbagai inisiatif dibawah Iltizam Selangor Penyayang dapat diakses secara atas talian, malah lain-lain perkhidmatan seperti penggunaan direktori kecemasan, direktori dan pencarian lokasi bagi agensi di Daerah ulu Selangor juga dapat digunakan dengan cekap dan pantas.

2.2.2 MPHS GO 2.0 juga dapat memenuhi kehendak **warga kerja MPHS** iaitu barisan hadapan petugas kaunter dengan memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien. Seajar dengan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil 05 tahun 2007 di dalam skim perkhidmatan pegawai khidmat pelanggan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Hal ini kerana, terdapat empat talian am Ibu Pejabat Majlis yang telah dimasukkan ke dalam aplikasi ini bagi mengelakkan kesesakan talian telefon agensi majlis.

2.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL :

2.3.1 Kebanyakan urusan kaunter yang melibatkan borang-borang permohonan pada hari ini telah berubah daripada fizikal kepada atas talian. Begitu juga dengan urusan pembayaran, semakin hari semuanya semakin beralih ke arah digital.

2.3.2 MPHS GO 2.0 secara tidak langsung menitiberatkan perkhidmatan e-Pembayaran yang menyokong ke arah komuniti tanpa tunai *cashless society* yang menjurus kepada agenda utama Kerajaan pada masa ini yang mana telah dilancarkan dalam **Pelan Strategik e-Pembayaran Sektor Awam (PSPSA) 2016 – 2020**. (Rujuk lampiran

3)

- 2.3.3 MPHS GO 2.0 juga menyahut seruan kerajaan dalam memantapkan perkhidmatan aplikasi mudah alih sistem penyampaian kerajaan yang dirangka di dalam **Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 - 2025**. (Rujuk lampiran 4). Antara salah satu prinsip panduan yang boleh diketengahkan ialah kebolehpercayaan dalam melaksanakan perkhidmatan yang disediakan dengan tepat, mudah dan lancar, disamping memastikan kualiti perkhidmatan adalah terjamin dan selamat sejajar dengan penciptaan aplikasi ini.
- 2.3.4 Aplikasi ini juga menyahut objektif **Smart Selangor Action Plan 2025** yang membolehkan komuniti penduduk yang didiami, produktif dari segi ekonomi, mesra alam sekitar melalui penggunaan teknologi digital. (Rujuk lampiran 5)
- 2.3.5 Malah, aplikasi MPHS GO 2.0 secara tidak langsung telah menyumbang kepada **Sustainable Development Goals (SDG) 11, 16 dan 17**. (Rujuk lampiran 6)

2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA :

- 2.4.1 Zaman beralih musim berubah, kini dunia amat bergantung kepada teknologi maklumat dan komunikasi. Sejak penularan pandemik Covid-19, dunia semakin bergantung kepada teknologi moden dan digital khususnya dari segi sosial, ekonomi, pendidikan dan lain-lain perkhidmatan. Kini, kita lebih banyak bergantung kepada teknologi digital di hujung jari untuk memperoleh maklumat dan perkhidmatan secara pantas. Antara contohnya ialah perkhidmatan *e-banking*, pesanan makanan secara atas talian, perkhidmatan jual beli atas talian seperti *Lazada* dan *Shopee* malah tempahan hotel seperti *Trivago* dan *Agoda*.

Pelbagai agensi jika kita lihat pada hari ini masing-masing berlumba untuk mengeluarkan aplikasi masing-masing bagi memudahkan proses kerja seperti tumbuhnya cendawan selepas hujan. Justeru itu, MPHS GO 2.0 turut bersama-sama mencipta aplikasi bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien bagi memperkasakan imej organisasi majlis.


2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK :

2.5.1 Hasil daripada perbincangan melalui kaedah sumbang saran (*brainstorming*), kumpulan SyazYah mengusulkan beberapa pernyataan masalah seperti berikut:

- i. Kekurangan panggilan masuk yang bukan di bawah skop majlis.
- ii. Waktu berurusan di kaunter yang lama.
- iii. Kesukaran pelanggan untuk membuat aduan kepada agensi yang tepat.
- iv. Kesukaran untuk mencari maklumat yang tepat di internet.
- v. Kesukaran untuk hadir dan berurusan di pejabat MPHS.
- vi. Kesukaran pelanggan untuk berurusan dengan kakitangan MPHS.

2.5.2 Berikut adalah proses kaedah yang digunakan oleh kumpulan bagi mengenalpasti pemilihan projek dan analisis yang dilaksanakan.

(Rujuk lampiran 7)



2.5.3 Kesimpulannya, berdasarkan kaedah pemilihan projek, kumpulan telah memilih **KEKERAPAN PANGGILAN MASUK YANG BUKAN DI BAWAH SKOP MAJLIS** sebagai punca masalah yang paling utama.

2.6 PENYATAAN SASARAN OUTCOME & IMPAK :

OUTPUT	OUTCOME	IMPAK
Menjawab semua panggilan masuk ke MPHS setiap hari bekerja	Mengurangkan panggilan masuk yang bukan dibawah urusan MPHS sebanyak 50%	Meningkatkan kecekapan kefungsian MPHS kepada pemegang taruh.

Memastikan semua penduduk Hulu Selangor mempunyai satu aplikasi yg memudahkan urusan dan cepat diakses	Memastikan aplikasi ini sentiasa digunakan setiap hari oleh pengguna untuk mendapatkan info/ membuat urusan.	-Pelanggan dapat memanfaatkan aplikasi ini untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. -Urusan pelanggan menjadi lebih cepat dan mudah kerana saluran aduan dipanjangkan kepada agensi yang betul.
--	--	--

3. TINDAKAN PENYELESAIAN

3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS

3.1.1 Definisi masalah bagi **kekerapan panggilan masuk yang bukan di bawah skop majlis** seperti berikut:



3.1.2 Berdasarkan kepada rajah tulang ikan (**Rajah Ishikawa**) di bawah, punca-punca paling mungkin dipecahkan melalui 4 kategori utama yang diuraikan seperti berikut:



- 3.1.2 Kumpulan telah menggunakan kaedah verifikasi punca masalah (**sila rujuk lampiran 8**) bagi mengenalpasti punca-punca masalah paling mungkin. Kumpulan telah mengenalpasti 2 punca paling mungkin iaitu:
- i. Maklumat di Internet tidak tepat
 - ii. Maklumat direktori di internet tidak dikemaskini
- 3.1.3 Kumpulan menggunakan Teknik Pro & Kontra (**Rujuk lampiran 9**). Duacadangan alternatif iaitu:
- i. Menaiktaraf aplikasi MPHS GO 1.0
 - ii. Mendapatkan pengesahan direktori yang masih aktif dan digunakan dengan pihak Telekom Malaysia.
- 3.1.4 Berdasarkan analisa yang telah dibuat, kumpulan telah membuat keputusan dan bersetuju untuk **menaiktaraf aplikasi yang sedia ada kepada MPHS GO 2.0 serta memasukkan direktori nombor telefon yang telah disahkan oleh pihak Telekom Malaysia di dalam MPHS GO 2.0.**
- 3.1.5 Selain daripada itu, ahli kumpulan juga telah membuat beberapa penandaarasan terhadap aplikasi yang wujud di PBT/ agensi lain. Hasilpenandaarasan tersebut boleh didapati di **lampiran 10**.
- 3.1.6 Kumpulan telah mengambil langkah penyelesaian dengan mengemaskini aplikasi dengan menambah pelbagai maklumat yang berkaitan direktori MPHS dan juga agensi-agensi Hulu Selangor. Tambahan lagi, kumpulan juga telah menambahbaik paparan bagi aplikasi ini agar lebih kelihatan interaktif supaya pengguna lebih tertarik untuk menggunakan aplikasi ini.

3.2 PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP :

- 3.2.1 Kumpulan telah merangka perancangan pelaksanaan idea serta membuat beberapa ujicuba untuk mendapatkan hasil yang terbaik bagi aplikasi ini. Rekabentuk aplikasi ini diwujudkan dengan menggunakan kaedah coding untuk membina aplikasi tersebut.
- 3.2.2 Penghasilan dan pengujian aplikasi ini disertakan di **lampiran 11**.

3.3 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH/ PIHAK BERKUASA

3.3.1 Direktori yang dimasukkan di dalam aplikasi MPHS GO 2.0 ini telah disemak dan mendapat pengesahan daripada pihak Telekom Malaysia. (Rujuk lampiran 12)

3.3.2 Aplikasi ini juga mendapat perakuan daripada Polis Diraja Malaysia melalui Ibu Pejabat Daerah (IPD) Hulu Selangor yang menyatakan kesemua direktori ini tepat dan mudah digunakan sekiranya berlaku kecemasan. IPD turut mengeluarkan arahan untuk setiap anggota menggunakan aplikasi ini dan menguar-uarkan kepada keluarga dan kenalan yang lain. (Rujuk lampiran 13)

3.4 PELAKSANAAN INOVASI


3.4.1 MPHS GO 1.0 mula dipromosikan semasa hari bertemu pelanggan pada 24 Jun 2022 bertempat di Ibu Pejabat, MPHS. MPHS GO 1.0 kemudiannya dikemaskini dari segi paparan dan mula digunapakai bermula pada 13 Januari 2023. Versi ini diukur mengikut kadar jumlah pengguna yang memuat turun aplikasi ini sama seperti aplikasi-aplikasi lain yang terdapat di *Play Store*. (Rujuk lampiran 14).

3.4.2 Aplikasi ini juga sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa bagi memastikan segala maklumat dapat ditambahbaik bagi kegunaan penggunaannya. (Rujuk lampiran 15).

3.4.3 Aplikasi ini dibangunkan sepenuhnya oleh Kumpulan tanpa menggunakan sebarang kos yang seterusnya menjimatkan kos membangunkan aplikasi melebihi **RM 80.000.00**.

3.4.4 MPHS GO 2.0 secara rasminya boleh dimuat turun di *Google Play Store* pada 22 Mac 2023. (Rujuk lampiran 16).

3.4.5 Pelancaran rasmi MPHS GO 2.0 sebagai satu aplikasi utama MPHS yang telah diadakan pada 22 Mac 2023 sebagai simbolik *super apps* pertama yang dicipta oleh PBT.



MPHS GO 1.0

MPHS GO 1.0

MPHS GO 2.0


4. OUTCOME PROJEK

4.1 PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN :

4.1.1 MENGURANGKAN PANGGILAN YANG BUKAN DIMBAWAH SKOP MAJLIS SEBANYAK 50%

Seiring dengan fungsi utama MPHS iaitu menyediakan perkhidmatan yang cekap dan efisien, semua panggilan perlu dijawab oleh kakitangan MPHS. Walaubagaimanapun, panggilan yang bukan dibawah skop MPHS ini akan menyebabkan gangguan menjadikan trafik panggilan yang tinggi untuk panggilan lain yang sememangnya dibawah skop urusan MPHS. (Rujuk lampiran 17).

Aplikasi ini memberi sasaran *outcome* yang **mengurangkan panggilan masuk yang bukan dibawah urusan MPHS sebanyak 50%**. Data pengurangan panggilan masuk yang bukan dibawah urusan MPHS seperti di bawah:




Data di atas menunjukkan bahawa pengurangan panggilan masuk yang bukan dibawah skop MPHS telah berkurang sebanyak 50% semenjak penggunaan aplikasi MPHS GO 2.0 secara rasmi pada bulan Mac 2023. Peratusan pengurangan dari bulan Februari 2023 kepada bulan Mac 2023 iaitu dari 10.45% kepada 4.83%. Bagi perkiraan peratusan ini, rujuk lampiran 18.

4.1.2 MENINGKATKAN KADAR PENGGUNA APLIKASI

Aplikasi ini mewujudkan satu platform yang *independable* yang

mensasarkan objektif penyebaran maklumat dengan cepat dan pantas kepada seluruh penduduk Hulu Selangor. Justeru itu, ianya memberikan peningkatan outcome bagi kadar penggunaan terhadap aplikasi ini sebanyak 906 pelawat setakat 28/3/2023 jam 12.23 tengah hari. (Rujuk lampiran 19).



4.1.3 KPI Negeri & Negara :

Aplikasi ini selaras dengan teras **pelan Strategik Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK Selangor 2023-2025)** menyelaraskan perancangan dan pembangunan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal (digitalisasi) demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat. (Rujuk lampiran20).

Selain itu, bagi merialisasikan hasrat kerajaan negeri melalui inisiatif **Iltizam Selangor Penyayang** yang akan memberi manfaat kepada seluruh penduduk di Negeri Selangor khususnya penduduk Hulu Selangor. (Rujuk lampiran 21)

Dengan adanya aplikasi ini secara tidak langsung penyampaian perkhidmatan agensi dapat dimantapkan lagi selari dengan **Pelan Strategik KPKT 2021 – 2025** teras 7 iaitu melestari modal insan, tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan secara holistik. (Rujuk lampiran 22)

4.2 FAEDAH SAMPINGAN (luar jangka) :

4.2.1 PELANGGAN YANG BERURUSAN DI KAUNTER MPHS BERKURANGAN

Kumpulan juga mendapati trend pelanggan yang hadir berurusan di

kaunter MPHS juga berkurang dari bulan ke bulan. Ini mungkin kerana pelanggan MPHS sudah mula terdedah dan peka tentang urusan-urusan yang boleh dilakukan secara atas talian tanpa perlu mengeluarkan kos, menjimatkan masa dan wang ringgit untuk berurusan di kaunter. (Rujuk Lampiran 23)

4.2.2 KEPUASAN PENGGUNA

Semasa pelancaran MPHS GO 2.0 yang berlangsung pada 22 Mac 2023, kumpulan telah memberikan soal selidik kajian kepuasan pelanggan. Antara soalan yang diutarakan ialah :

- i. Adakah direktori di dalam aplikasi ini membantu anda untuk membuat panggilan?
- ii. Adakah aplikasi ini mudah untuk digunakan ?
- iii. Adakah paparan di MPHS GO 2.0 jelas dan tepat
- iv. Adakah anda pernah menggunakan aplikasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bersifat *one stop centre* seperti MPHS GO 2.0 ini?
- v. Adakah anda berpuas hati dengan aplikasi MPHS GO versi 2.0?

Hasil daripada penggunaan aplikasi ini, secara umumnya pengguna berpuas hati dengan aplikasi MPHS GO 2.0 ini. (Rujuk lampiran 24)

4.2.3 HEBAHAN KEBAIKAN APLIKASI KEPADA MASYARAKAT SERTA AGENSI PBT YANG LAIN.

MPHS membuat hebahan kebaikan aplikasi yang memberikan pelbagai manfaat kepada penggunaannya melalui media sosial FB page MPHS, Instagram MPHS, YouTube MPHS serta TikTok MPHS serta portal rasmi MPHS.

Selangor Kini juga telah laporan akhbar tentang pelancaran MPHS GO yang bersifat pusat sehenti (*One Stop Centre*) dimana agensi PBT yang lain boleh menjadikan MPHS GO ini sebagai contoh untuk mereka mengadaptasi konsep pusat sehentinya supaya aplikasi yang mereka juga akan lebih bersifat menyeluruh. (Rujuk lampiran 25).

IMPAK PROJEK

5.1 PENCAPAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN

MPHS GO 2.0 secara tidak langsung telah menjadi salah satu komponen penting dalam sasaran kerajaan Malaysia bagi **Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia** bagi komponen kerajaan iaitu :

- i. **100% penjawat awam celik digital**
- ii. **80% perkhidmatan kerajaan dalam talian dari peringkat awal ke akhir**
- iii. **Semua kementerian dan agensi menyediakan pilihan pembayaran tanpa tunai menjelang tahun 2022**
- iv. **80% penggunaan storan pengkomputeran awan merentasi sektor awam pada tahun 2022 (Rujuk lampiran 26)**

POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

6.1 TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI/ SISTEM/ PROSES

6.1.1 Aplikasi ini sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa oleh En Mohamad Syazrul Affendy serta dikawal dan diperhatikan kandungan aplikasinya oleh Bahagian Teknologi Maklumat.

6.1.2 Pengguna aplikasi boleh menghubungi pencipta aplikasi melalui pautan emel yang terdapat di *Google Play Store* sekiranya terdapat sebarang pindaan atau pembetulan pada maklumat yang dipaparkan.

6.2 TAHAP REPLIKASI ATAU PENGKOMERSIALAN

6.2.1 MPHS GO 2.0 secara rasminya sudah tersedia di dalam *Google Play Store* dan boleh dimuat turun oleh pengguna secara rasmi di *Play Store* tersebut.

6.2.2 MPHS GO 2.0 ini mula dipromosikan setelah pelancarannya pada 22 Mac 2023 yang lalu. En Mohd Feroz bin Zainal selaku rakan kolaborasi juga memainkan peranan yang

penting dalam memastikan promosi aplikasi ini kepada penduduk setempat supaya menggunakan aplikasi ini. En Mohd Feroz juga bertindak sebagai wakil MPKK yang akan mewakili keseluruhan MPKK di kawasan Hulu Selangor yang mana ianya akan mempromosikan aplikasi ini di keseluruhan 64 buah MPKK di Daerah Hulu Selangor ini.


6.2.3 Selain itu, antara promosi yang dilakukan oleh MPHS ialah:

- i. Memainkan tayangan video *montage* aplikasi ini di pejabat MPHS pada setiap hari
- ii. Menggantung iklan *bunting* berkaitan MPHS GO 2.0 di pejabat serta di lokasi program yang melibatkan MPHS.

GAMBAR-GAMBAR BERKAITAN

Dipaparkan gambar-gambar yang berkaitan MPHS GO 2.0 sebagai rujukan panel penilai.


Carta alir penggunaan aplikasi MPHS GO 2.0




CARA MUAT TURUN APLIKASI MPHS GO 2.0



Buka gedung
Google Play Store



Taip
"MPHS GO"



Muat Turun



Klik pada
Orang Awam

MANUAL PENGGUNA MPHS GO 2.0



Klik icon di bahagian
E-Perkhidmatan untuk
membuat urusan secara
atas talian MPHS

- Aduan Baharu (Aduan online)
- E-Pendaan (semak/maklumat pemilik cukai takoran)
- E-Billing (Semakan & pembayaran cukai)
- E-Permit (permohonan permit meniaga)
- Kepuasan pelanggan
- E-Jawatan (Iklan jawatan kosong)
- Tampahan Dewan
- ES (Semakan status/ jenis tanah)
- Cepat (Citizen E-Payment Platform)
- E-OSC (permohonan/ kelulusan OSC)
- E-Bazar (permohonan bazar ramadhan)
- PBT Pay (pembayaran cukai takoran PBT)
- Semak Aduan (Aduan online)



klik pada paparan iklan
yang bergerak bagi melihat
info terkini berkaitan MPHS

Klik pada icon MPHS untuk
mendapatkan direktori
MPHS serta membuat
panggilan

Klik pada icon media sosial
Facebook/ Instagram/
TikTok/ Youtube untuk
melihat maklumat/ info/
hebahan program dalam
media sosial


MANUAL PENGGUNA MPHS GO 2.0



MANUAL PENGGUNA MPHS GO 2.0 (KAKITANGAN MPHS)



Lakaran pembangunan projek



IMPLIKASI KEWANGAN

Kumpulan membina aplikasi ini secara in house **tanpa melibatkan sebarang kos (RM0)**. Kumpulan ada mendapatkan beberapa sebutharga sekiranya membangunkan aplikasi ini dengan menggunakan vendor. Daripada versi yang pertama MHPS GO (1.0) dan MPHS GO (2.0) akan dikira sebagai dua kali pembangunan aplikasi kerana segala design dan paparan adalah baru dan tidak sama digunakan dalam mana-mana versi. Jika 1 versi minimum adalah RM 49,800, maka untuk membangunkan aplikasi ini sehingga ke tahap MPHS GO aggaran **penjimatan** yang dapat dijimatkan adalah **melebihi RM 80,000.00**.

ADVTECH VENTURE
ADVTECH VENTURE SDN. BHD. (1321171-Q)
Building Information Technology

QUOTATION
Date: 5-May-2023
Quote #: Q47290213
Your Ref. #:

Quote To:
Mohd Syazrul
MALIS PERBANDARAN HULU SELANGOR
Kuala Kubu Bharu
Selangor
Phone: 03-6064 1331
E-Mail: webmaster@mphs.gov.my

Quote To:
Mohd Syazrul
MALIS PERBANDARAN HULU SELANGOR
Kuala Kubu Bharu
Selangor
Phone: 03-6064 1331
E-Mail: webmaster@mphs.gov.my


Sales Code	Payment Terms	Shipping Terms	Lead Time	Validity	Currency
01A	30 Days	Not Delivered	8 weeks	30 Days	MYR

Item #	Description	Unit Price	Quantity	Line Total
1	mphego app development (iOS based) 1. no integration system 2. no editing or upgrade for UI 3. iOS store app deployment 4. 3 months warranty	49,800.00	1	49,800.00
TOTAL (MYR)				49,800.00

This is a quotation on the goods named, subject to the conditions noted below:
1. Prices subject to change without prior notice.
2. Change of request or Any extra work / effort NOT part of the scope of work or request for time extension on any extra troubleshooting works mentioned above will be considered as change request. Therefore, a separate quotation will be given before commencing of work.
3. 3 Months Warranty against manufacturing / labour defect (exclude consumables item)
4. Additional Terms: N/A

Prepared by: 
Syazrul Mohd Azhar
+6012-6595625

Unit 5A, Level 5, Block B, Jalan Orlia Utama, Taman Orlia Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, MALAYSIA.
Tel: +603-8922 9172 / +6019 269 5450 Fax: +603-8926 0230 E-Mail: info@advtech.my Website: www.advtech.my



		QUOTATION Digitaltalen Sdn Bhd Suite 20-01 & 20-02B, Level 20, The Pinnacle Persiaran Lagoon, Bandar Sunway Subang Jaya, Selangor 47500 Malaysia Phone: +603 5624 4285 Mobile: +6011 6563 6865 www.digitaltalen.com	
BILL TO Majlis Perbandaran Hulu Selangor Mohamad Syazrul Hulu Selangor Municipal Council Jalan Bukit Kerajinan Kuala Kubu Bharu, Selangor 44000 Malaysia +60360641331 syazrulaftendy@mpsh.gov.my		Estimate Number: 122511 Estimate Date: May 15, 2023 Expires On: May 31, 2023 Grand Total (MYR): RM49,800.00	
Items	Quantity	Price	Amount
Mobile Application Development & Web Based Admin Panel Delivery Platform: > User App (iOS & Android) > Super Admin Dashboard Module (in web base) Mobile/ Desktop App: Flutter Backend: Node.js User Mobile App Includes: 1. Directory phone listing 2. All contact location 3. Slider Advertisement/ Poster 4. 34 Buttons (link to external website) 5. Profile Estimated Lead Time 12 - 14 Weeks	1	RM49,800.00	RM49,800.00
Mobile App Features- (User) Features Include: User App: 1. User Login (via Email) 2. User in App Registration Page 3. Directory phone listing info 4. All contact location info 5. Slider Advertisement/ Poster 6. 34 Buttons info 7. User Profile	1	RM0.00	RM0.00

PENUTUP

Kumpulan kami juga berhasrat agar aplikasi ini dapat diangkat dan menjadi contoh oleh Kerajaan Negeri Selangor supaya aplikasi ini dapat menjadi contoh kepada semua PBT-PBT Selangor yang lain untuk mencipta satu aplikasi yang bersifat *One Stop Centre* yang boleh digunakan oleh semua penduduk di kawasan tersebut dimana faedahnya boleh dinikmati oleh semua penduduk Selangor, PBT Selangor seterusnya Kerajaan Negeri Selangor.